

Apa yang perlu saya buat selepas pembedahan?

Mata memerlukan masa untuk sembuh dan bengkak mungkin mengambil beberapa hari untuk baik. Sejurus selepas pembedahan, anda akan diberikan ubat titis mata. Adalah penting untuk mengikuti arahan dan jadual ubat. Tiada sekatan diet. Anda biasanya boleh kembali ke aktiviti seharian sebaik sahaja anda merasa mampu. Anda juga boleh membaca dan menonton TV seperti biasa. Berikut adalah beberapa langkah berjaga-jaga yang harus diambil selama 1 hingga 2 minggu pertama:

JANGAN

- **gosok mata.** Pakai pelindung mata semasa tidur untuk mengelakkan mata anda tergosok secara tidak sengaja.
- **berenang** untuk mengelakkan terkena air kotor.
- **melakukan aktiviti lasak, atau mengangkat objek berat.**
- **menggunakan solekan mata.**
- **mencuci rambut** supaya mata tidak terkena sabun. Ini masa sesuai untuk memanjakan diri dan dapatkan pendandan rambut untuk melakukannya

Pakai kaca mata hitam untuk perlindungan mata sekiranya perlu keluar dari rumah.



Bila boleh saya membuat kaca mata baru?

Kanta IOL yang dimasukkan di dalam mata biasanya direka untuk memberikan anda penglihatan yang jelas pada jarak jauh tanpa cermin mata. Kadang kala, ia tidak mencukupi dan anda mungkin memerlukan cermin mata bagi mendapat fokus penglihatan yang lebih tajam. IOL tidak dapat memberikan penglihatan dekat yang jelas, oleh itu, sesetengah orang memerlukan cermin mata untuk membaca selepas pembedahan. Akan tetapi anda memerlukan cermin mata yang baru selepas pembedahan. Dalam kebanyakan kes, ujian mata refraksi akan dibuat 4 hingga 6 minggu selepas pembedahan untuk menilai penglihatan anda. Sekiranya anda menggunakan IOL multifokal, anda mungkin tidak memerlukan cermin mata kerana ini dapat memberikan penglihatan yang jelas pada jarak jauh dan dekat sepanjang masa.

Hubungi Kami

OasisEye Specialists

- ☎ 1800 18 7676
- 🌐 oasiseye.my
- 🔗 linktr.ee/oasiseye



Katarak

(KA-TA-RAK)



**OASISEYE
SPECIALISTS**

PROTECTING VISION | RESTORING SIGHT



Apa itu katarak ?

Katarak sangat biasa, dan berlaku secara semulajadi apabila usia semakin meningkat. Ia terbentuk apabila kanta semulajadi dalam mata semakin keruh seiring dengan umur menjadikan penglihatan semakin kabur. Lama-kelamaan, katarak akan bertambah teruk secara beransur-ansur menyebabkan penglihatan anda lebih kabur.

Apa menyebabkan katarak ?

- Penuaan atau faktor umur
- Penyakit kencing manis
- Trauma (impak pada mata atau kepala)
- Ubatan tertentu (seperti steroid)
- Pembedahan mata untuk masalah lain
- Faktor lain termasuk: Pendedahan UV, merokok & kekurangan vitamin

Apakah tanda dan gejala katarak ?


- Penglihatan kabur dan berkabus
- Perubahan persepsi warna
- Kesukaran memandu pada waktu malam
- Masalah silau dari lampu atau matahari
- Prekripsi kaca mata kerap berubah
- Melihat satu objek sebagai dua (walaupun dengan 1 mata tertutup)
- Penglihatan dekat lebih jelas untuk seketika

Bagaimana katarak dirawat ?

Setakat ini, satu-satunya cara untuk merawat katarak adalah melalui pembedahan. Ia biasanya mengambil masa 10 hingga 20 minit sahaja dan melibatkan 2 langkah utama.

Langkah 1: Pakar bedah menggunakan probe ultrasonik kecil untuk melembutkan kanta untuk mengeluarkan katarak, dan meninggalkan kapsul kanta.

Langkah 2: Satu kanta buatan yang baru yang dipanggil *Intraocular Lens* (IOL) dimasukkan ke dalam mata anda. Doktor akan menerangkan pemilihan IOL yang sesuai dengan keperluan dan kehendak anda.



Hubungi doktor anda **segera sekiranya mengalami simptom di bawah selepas pembedahan:**

- Kesakitan teruk
- Mata semakin merah, discaj atau penglihatan kabur beberapa hari atau minggu selepas pembedahan
- Penglihatan merosot – terutamanya jika penglihatan telah pulih selepas pembedahan, tetapi bermula merosot.



Apa risiko pembedahan katarak ?

Tiada pembedahan yang bebas risiko. Sekiranya anda mempunyai katarak di kedua-dua mata, kebanyakan pakar bedah akan membedah satu mata dahulu dan membiarkan mata pertama sembuh sebelum membedah mata kedua. Jika berlaku kes khas, dimana mata yang mempunyai katarak adalah satu-satunya mata yang berfungsi, doktor dan anda harus mempertimbangkan risiko dan faedah pembedahan dengan berhati-hati. Beberapa risiko pembedahan katarak termasuk (tetapi tidak terhad kepada) perkara berikut:

Biasa

- Kekeruhan kapsul posterior (PCO) - Pada sesetengah orang, kapsul kanta akan menjadi keruh dalam 2 tahun selepas pembedahan, yang dapat dirawat dengan prosedur mudah
- Glaukoma (tekanan mata tinggi; $\pm 5\%$)
- Edema makula

Jarang

- Pendarahan di dalam mata ($\pm 1\%$)
- Kelopak mata jatuh ($\pm 1\%$)
- Kornea kabur atau bengkak ($\pm 1\%$)
- Kerosakan atau penyimpangan kanta buatan ($\pm 1\%$)
- Lekangan retina ($\pm 1\%$)

Sangat Jarang tetapi Teruk

- Jangkitan teruk ($\pm 0.1\%$)
- Buta ($< 0.1\%$)
- Kehilangan mata ($< 0.01\%$)